

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
(PAYA BESAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.06.2014**

**Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [ PAYA BESAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dakwaan berhubung langkah drastik pengurusan Penerbangan Malaysia (MAS) yang ingin mengeluarkan bahagian penyelenggaraan, membaik pulih dan pembaikan (MRO) daripada identiti syarikat penerbangan berkenaan yang memberi tekanan kepada kebajikan 4,000 kakitangan MRO.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysian Airline System Bhd (MAS) sentiasa berusaha memantapkan penyampaian perkhidmatannya supaya lebih efektif dan efisien bagi mengekalkan MAS sebagai syarikat penerbangan premium bertaraf 5 bintang. Berdasarkan prestasi kewangan semasa yang semakin kritikal, adalah penting untuk MAS mengkaji semula model perniagaan semasa serta meneroka peluang baharu untuk meningkatkan prestasi kewangan syarikat termasuk melaksanakan penyumberan luar (*outsourcing*) beberapa aktiviti atau operasi syarikat yang dapat menyumbang kepada pengurangan kos, penambahbaikan proses dan peningkatan kecekapan. Dengan ini, MAS akan dapat memberi penumpuan kepada aktiviti teras (*core business*) syarikat dan menggunakan sumber secara lebih optimum. Walau bagaimanapun, sebelum sesuatu penyumberan luar dilaksanakan, pelbagai faktor perlu diambil kira termasuk penjimatan kos, kualiti penyampaian perkhidmatan dan implikasi kepada kakitangan sedia ada.

Sehingga kini, MAS masih belum membuat sebarang keputusan ke atas hala tuju Bahagian Penyelenggaraan, Membaik Pulih dan Pembaikan (MRO) dan apa-apa cadangan berhubung perkara ini perlu diteliti dan diperhalusi bagi menjamin kebajikan pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*).